

14 DEC 1999

Agong-Tilawah

AGONG SERU UMAT ISLAM CAPAI KECEMERLANGAN, ELAK PERPECAHAN

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah meminta semua pihak supaya berganding bahu, bersatu hati dan berpadu tenaga berusaha melalui tugas dan peranan masing-masing ke arah memajukan diri, negara dan ummah ke tahap yang cemerlang.

Seri Paduka bertitah perkara remeh, perbezaan pendapat yang bersifat kepentingan individu atau kelompok kecil perlu diketepikan untuk mencapai matlamat ummah yang lebih besar.

"Sebab itu Allah melarang perbalahan antara sesama sendiri kerana ia boleh melemahkan umat," titah baginda ketika merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke 41 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini malam ini.

Yang turut hadir Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali serta Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datin Seri Endon Mahmood.

Sultan Salahuddin bertitah bahawa perpaduan menjadi faktor penting bagi sesebuah umat itu membentuk kekuatan dan seterusnya membina kemajuan dan kejayaan.

Sebanyak 27 qari dan 16 qariah dari 28 negara menyertai tilawah tahun ini yang membawa tema "Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan". Malaysia diwakili Che Yahaya Daud dari Kelantan dan Maznah Awang dari Terengganu.

Seri Paduka bertitah penyertaan segenap lapisan masyarakat termasuk teknokrat, birokrat, pemimpin dan rakyat dalam satu barisan sangat penting untuk mencapai kecemerlangan termasuk dengan melipatgandakan usaha dan merebut peluang untuk sama-sama maju berpaksikan ajaran Islam.

"Selaras dengan peredaran masa yang begitu cepat berlalu dan masyarakat dunia semakin pantas mencipta kemajuan, umat Islam tidak boleh lagi leka dan lambat bergerak," titah baginda.

Pada prinsipnya, ajaran Islam menghendaki umatnya berada dalam susunan yang satu dengan ikatan kukuh antara satu sama lain dan memang ini wajar kerana Islam menghimpun seluruh kaum muslimin dalam satu syariat, satu keyakinan dan satu kepercayaan.

"Penyimpangan daripada ketentuan ini bererti wujudlah perpecahan dan perpecahan itu pasti mengakibatkan kehancuran dan kelemahan umat Islam sendiri," titah baginda.

Seri Paduka menyifatkan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa yang dianjurkan oleh kerajaan Malaysia setiap tahun sangat penting bagi mengeratkan perpaduan sesama negara Islam.

Melaluinya, kebanyakan negara Islam dapat mengambil bahagian dengan menghantar peserta masing-masing untuk berkumpul di satu tempat.

"Dengan ini hubungan baik yang sedia terjalin antara negara-negara Islam akan terus ditingkatkan dan semangat setiakawan dapat dipereratkan," titah baginda.

Seri Paduka bertitah umat Islam dari seluruh dunia yang mengikuti siaran langsung di negara masing-masing pula akan merasai bahawa diri mereka berada dalam kelompok yang satu walaupun dibatasi oleh sempadan geografi.

Majlis tilawah itu juga dapat meningkatkan komitmen umat Islam terhadap penghayatan ajaran Islam yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran.

Tahun lepas, johan qari ialah Mohamad Gandom Najad Toosi dari Iran

manakala johan qariah ialah Sapiah Mohd dari Malaysia.

-- BERNAMA

NY MAI